



PEMBERITAHUAN

MCMC TIDAK PERNAH TERLIBAT DALAM MANA-MANA PERADUAN BERKAITAN PEMBERIAN HADIAH SAGU HATI

CYBERJAYA, 20 Januari 2022 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin menegaskan, pihaknya tidak pernah terlibat dalam mana-mana peraduan berkaitan pemberian hadiah sagu hati membabitkan sebuah syarikat telekomunikasi.

Peringatan tersebut berbangkit susulan wujudnya tindakan oleh pihak tidak dikenali yang menyamar sebagai pegawai MCMC meminta agar para pengguna memaklumkan kepada pihak Suruhanjaya sekiranya telah menerima sebarang surat atau pemberitahuan loteri daripada mana-mana e-mel atau syarikat yang mencurigakan.

Ingin dijelaskan, sebarang pengumuman atau pemakluman mengenai sesuatu urusan berkaitan dengan Suruhanjaya kelazimannya akan dilakukan mengikut saluran rasmi seperti laman sesawang ataupun menerusi platform media sosial Suruhanjaya dan bukannya menggunakan nama individu tertentu serta penggunaan bahasa yang meragukan.

Sehubungan itu, MCMC menggesa orang awam untuk tidak mudah terpedaya dengan e-mel sedemikian. Pada masa yang sama, segera laporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk perhatian dan tindakan susulan.

www.mcmc.gov.my